



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Pengarah-Pengarah Wilayah/ Ketua-ketua Unit / Pengurus Stesen
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 8 Mei 2009

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL 8 TAHUN 2009

KELULUSAN PENEMPATAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa segala urusan berkaitan kelulusan penempatan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk menjalani latihan industri di Lembaga Getah Malaysia perlu dibuat melalui Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM).

3. Sehubungan itu, permohonan pelajar yang dihantar terus kepada Pengarah Wilayah/Ketua-Ketua Unit/Pengurus Stesen juga perlu dimajukan terlebih dahulu kepada pihak UPSM sebelum pelajar tersebut diterima menjalani latihan di Bahagian/Unit-Unit/Stesen Penyelidikan dan Wilayah berkenaan untuk tujuan rekod dan pemantauan.

Sekian, harap maklum. Terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"

(ROSNA BINTI ABD RAZAK)

sk:- Y. Bhg Dato' Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (P&I)
Timbalan Ketua Pengarah (D&O)
Pengarah-Pengarah Bahagian